



22 SEP, 2023

Tenaga mampan: SDP, TNB perkukuh komitmen

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Tenaga mampan: SDP, TNB perkukuh komitmen

PETALING JAYA: Sime Darby Property Berhad (SDP) meneruskan perkembangan lestariannya dengan kerjasama strategik bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk penerokaan dan pembangunan inisiatif tenaga mampan.

Menerusi kerjasama ini, kedua-dua pihak akan meneroka potensi perkongsian usaha sama untuk menyelaras penyelesaian bumbung solar di perbandaran dan pembangunan syarikat.

Projek perintis kediaman tanah termasuk pemajakan ruang bumbung serta pelaksanaan penyelesaian bumbung solar ke atas 1,000 hartanah sedia ada mahupun akan datang di Bandar Elmina dan perbandaran lain.

Selain itu, Sime Darby Property dan TNB akan meneroka pelaksanaan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik dalam perbandaran dan/atau pembangunan syarikat.

Kedua-dua rakan strategik ini juga akan bekerjasama dalam meneroka penyelesaian mikrogrid di perbandaran, taman perindustrian dan bank tanah Sime Darby Property.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Datuk Azmir Merican berkata, kerjasama ini menggambarkan strategi syarikat dalam membangunkan portfolio yang mampan dan berdaya maju secara komersial untuk menerajui peralihan industri hartanah domestik kepada tenaga boleh baharu.

“Tenaga boleh baharu bukan sekadar melibatkan penjanaan elektrik untuk menangani isu sumber terhad. Ia melibatkan pemupukan minda yang sedar akan kepentingan alam sekitar dan sosial,” katanya.